

30/05/2003

Kita pada landasan betul: Rafidah

Munaarfah Abu Bakar

MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, berkata Malaysia berada pada landasan yang betul bagi mengharungi keadaan

tidak menentu ekonomi dunia.

Beliau berkata, ia dibuktikan oleh pertumbuhan kukuh ekonomi sebanyak empat peratus yang dicapai negara ini dalam tempoh suku pertama lalu.

Katanya, keadaan ekonomi dalam tempoh suku pertama lalu adalah paling sukar berikutan ketidaktentuan dalam geopolitik serta ekonomi global akibat peperangan di Iraq serta penularan wabak Sindrom Pernafasan Yang Teruk (SARS).

"Namun pertumbuhan ekonomi sebanyak empat peratus yang dicapai dalam tempoh itu meyakinkan kita bahawa kita berada pada landasan yang betul.

"Bagi suku kedua kita sudah mengambil langkah untuk mengatasi masalah yang dihadapi, dan saya yakin kita mampu mencapai hasil yang baik. Bagi suku ketiga pula, kita sudah sediakan pakej pre-emptive yang diumumkan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) bagi merangsang ekonomi.

"Saya yakin, kita akan dapat mencapai sasaran pertumbuhan 4.5 peratus bagi seluruh tahun ini," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan bangunan baru Persatuan Alumni Sekolah Kebangsaan Datin Khadijah, Kuala Kangsar, semalam.

Rafidah berkata, kekuatan ekonomi Malaysia bergantung kepada permintaan

domestik, di samping sektor pembuatan dan perkhidmatan yang mana pakej rangsangan itu digunakan bagi menjana kegiatan dalam sektor itu.

"Dengan pelbagai insentif yang agak anjal diperkenalkan, saya yakin negara dapat mengukuhkan lagi kedudukan ekonominya walaupun berdepan dengan faktor luaran yang kurang menggalakkan," katanya.